

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

'CUEPACS perlu ambil kira kekangan kewangan'

'CUEPACS perlu ambil kira kekangan kewangan'

Kerajaan dalam usaha pastikan kenaikan gaji dapat diteruskan setiap tahun

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: CUEPACS diminta memahami kekangan kewangan yang terpaksa ditanggung kerajaan dalam melaksanakan skim baharu gaji perkhidmatan awam yang tidak boleh dipenuhi segera.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata laporan cadangan yang dibuat CUEPACS dilihat sebagai hak mereka sebagai pekerja yang secara kelaziman sentiasa akan menuntut kenaikan gaji dan bonus daripada majikan setiap tahun.

Jelasnya, kerajaan dalam usaha memastikan kenaikan gaji kakitangan awam dapat terus dilakukan setiap tahun, sebelum dapat melaksanakan skim baharu gaji perkhidmatan awam seperti dituntut kesatuan itu.

"Tuntutan kenaikan gaji baik daripada CUEPACS atau pihak swasta itu hak masing-masing, saya pasti CUEPACS tahu kerajaan ada kekangan kewangan, semua majikan ada kekangan, cuma tumpuan kerajaan ketika ini adalah kita tak boleh tunaikan semua serta-merta.



Rafizi menyampaikan ucapan pada Sesi Libat Urus Kajian Sepanjang Penggal RMK12 di Alor Setar, semalam.

CUEPACS mahu 8 syor dipertimbang

Pemerintah bersesuaian dengan berikan kos sara hidup

Keratan akhbar BH semalam.

"Macam saya sebut mengenai kos sara hidup, ia bukan berkaitan harga barang sahaja, tetapi ada soal gaji. Sebab itu kenaikan gaji ini perlu melalui proses, cuma saya harap CUEPACS dapat terus berbincang mengenai gaji progresif ini, tetapi ia tidak boleh berlaku secara tiba-tiba," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Sesi Libat Urus Kajian Sepanjang Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Saniusi Md Nor dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Norizan Khazali.

Kesan jangka panjang
Mengulas lanjut, Rafizi berkata, kerajaan sentiasa terbuka dalam mendengar apa sahaja cadangan atau tuntutan dibuat CUEPACS dalam isu gaji kakitangan awam kerana mengakui sumbangan di berikan kumpulan terabit da-

lam membangunkan negara.

Katanya, pada masa sama kerajaan daripada kenaikan gaji terbabit perlu dilihat kerajaan dalam tempoh jangka panjang mengikut kemampuan dan kesannya kepada kedudukan kewangan negara pada masa depan.

"Saya yakin kerajaan ada rangka sasaran kenaikan gaji dari setahun ke satu tahun agar berlaku secara sistematik, itu yang cuba kami lakukan. Kita perlu lihat dalam masa lima, 10 tahun macam mana kesan kewangan, berapa gaji perlu naik, sebab itu kita kena laksana secara berperingkat dasar sistem gaji progresif ini."

"Mana-mana majikan, sama ada kerajaan atau swasta terbuka dengan permintaan pekerja dan saya yakin pekerja akan faham juga kekangan majikan. Tapi setiap tahun kerajaan akan cari kemampuan terbaik agar ada kenaikan gaji secara tersusun kepada kakitangan awam," katanya.

Kelmarin, Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat mengumumkan laporan cadangan dalam skim baharu gaji perkhidmatan awak kepada kerajaan, antaranya membatikan kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan daripada RM350 kepada RM450.

Selain itu, turut dicadangkan adalah memperkenalkan eluan bandar raya sebanyak RM500, kenaikan gaji tahunan yang perlu ditambah baik, kenaikan pangkat Jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP) serta gred minimum perkhidmatan awam bermula gred 19.